

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : JAWAB LISAN

**DARIPADA : PUAN KASTHURIRAANI A/P PATTO
[BATU KAWAN]**

TARIKH : 17 MAC 2015 (SELASA)

SOALAN :

Puan Kasthuriraani a/p Patto [Batu Kawan] minta MENTERI PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT menyatakan sama ada kerajaan mempunyai rancangan untuk meningkatkan amaun bantuan kebajikan setelah GST di implementasi memandangkan ia akan menyebabkan peningkatan dalam kos sara hidup dan jika ya apakah peratusan peningkatan.

JAWAPAN:

Tuan Yang Dipertua,

Pihak kerajaan sentiasa prihatin ke atas masalah dan cabaran yang dihadapi oleh golongan yang memerlukan bantuan. Dalam hal ini, Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat (KPWK) melalui Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) telah menyediakan pelbagai skim Bantuan Kebajikan kepada kumpulan sasar yang memerlukan supaya mereka dapat meneruskan kelangsungan hidup dengan lebih baik dan selesa.

Sebagaimana yang kita maklum, pelaksanaan GST : Cukai Barangan & Perkhidmatan (*Goods & Services Tax*) pada April 2015 tidak akan membebaskan penerima bantuan kebajikan kerana barangan keperluan asas seperti beras, gula, garam, tepung, minyak masak dan keperluan asas yang lain dikecualikan daripada GST. Begitu juga dalam perkhidmatan pendidikan, kesihatan dan pengangkutan awam dikecualikan dari pelaksanaan GST, malah hampir satu pertiga daripada 944 barangan dalam sekumpulan barangan indeks harga pengguna tidak dikenakan

GST. Oleh itu, ianya tidak memberi kesan yang besar kepada golongan berpendapatan rendah.

Walau bagaimanapun, KPWKM amat perihatin akan masalah dan cabaran yang dihadapi kumpulan sasar dengan mengkaji semula kadar bantuan dan kelayakan bagi permohonan bantuan dari masa ke semasa.

Bagi memastikan kadar skim bantuan yang disediakan sentiasa relevan dengan keadaan semasa, sukacita dimaklumkan bahawa KPWKM mengguna mekanisme kriteria kelayakan berdasarkan Pendapatan Garis Kemiskinan (PGK) semasa yang telah ditetapkan oleh Unit Perancang Ekonomi (EPU) di Jabatan Perdana Menteri (JPM) untuk menentukan kelayakan menerima bantuan kebajikan.

Pihak kerajaan melalui pembentangan Bajet 2015 pada 10 Oktober 2014 juga telah bersetuju untuk menaikkan kadar Elaun Pekerja Cacat (EPC) daripada RM300 kepada RM350 sebulan (peningkatan sebanyak 16.6 peratus). Manakala Bantuan OKU Tidak Berupaya Bekerja (BTB) pula dinaikkan daripada RM150 kepada RM200 sebulan (peningkatan sebanyak 33.3 peratus). Peningkatan dua kadar ini berkuatkuasa mulai Januari 2015

dan dijangka melibatkan tambahan peruntukan sebanyak RM66 juta yang memberi manfaat kepada 110,000 orang.

Kementerian akan menggunakan pendekatan *Productive Welfare* bagi membantu penerima bantuan kebajikan menambahkan punca pendapatan supaya dapat berdikari dan seterusnya keluar daripada kepompong kemiskinan melalui Bantuan Geran Pelancaran (BGP). Bantuan ini diberikan bagi melaksanakan program pendayaupayaan klien Jabatan yang produktif dan mempunyai minat serta potensi untuk maju supaya dapat menceburi bidang keusahawanan dan kerja agar meningkatkan taraf hidup ke arah berdikari.